

30 JUN 2001

UM-Kebakaran

"TIADA MAAF BAGI MU" KATA NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Pihak pentadbiran Universiti Malaya (UM) tidak akan memaafkan penuntut atau kakitangan universiti jika didapati terlibat dalam kebakaran yang memusnahkan Dewan Tunku Canselor (DTC) di kampus universiti itu awal pagi semalam.

Naib Canselor UM Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain berkata jika didapati ada penuntut yang terlibat, pihak pentadbiran universiti tidak akan teragak-agak untuk menyingkirkan mereka.

Jika ada di kalangan kakitangan atau pensyarah yang terlibat, mereka akan dikenakan tindakan mengikut prosedur universiti, katanya.

Anuar berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di kampus UM di sini.

Kebakaran di DTC yang sepatutnya menjadi tempat simposium itu berlangsung tidak mematahkan semangat penganjurnya iaitu Yayasan Penggerak Wawasan untuk meneruskan agenda yang dirancang dengan memindahkan tempat dari DTC ke auditorium Kompleks Perdana Siswa.

Anuar Zaini juga memberi amaran kepada penuntut, kakitangan serta pensyarah supaya jangan melibatkan diri dalam cubaan pihak tertentu menghalang kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke kampus UM esok bagi upacara penutupan simposium itu.

Menurut beliau terdapat risalah yang diedarkan di sekitar kampus yang menghasut para penuntut serta kakitangan universiti supaya menghalang Dr Mahathir daripada menghadiri dan menutup simposium itu dengan mengadakan perhimpunan bantahan di kampus.

Anuar Zaini berkata bantuan polis telah diminta bagi mengawasi keadaan dan pihak pengawal keselamatan universiti akan bertindak tegas mengeluarkan mereka yang tidak bertanggungjawab itu dari kawasan kampus.

Sementara itu di KUALA KLAWANG, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata: "Ini baru di UM, kita takut hal ini berjangkit kepada institusi lain."

Kebakaran itu telah memusnahkan satu artifak nasional yang telah memberi kesan signifikan kepada ribuan rakyat yang pernah belajar dan mengajar di universiti berkenaan, katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Datuk Undang Musa hari ini.

Ditanya sama ada ini menunjukkan yang penuntut unversiti bersikap anti kerajaan, Rais berkata "saya tidak suka menuding jari terhadap mana-mana pihak tetapi pada keseluruhannya kita perlu akui yang kita perlu lebih bertegas dari sekarang".

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Dewan Tunku Canselor menyimpan banyak kenangan manis kepada ramai pemimpin negara termasuk dirinya sendiri.

"Saya masih ingat kira-kira 30 tahun dahulu saya naik ke pentas di dewan itu untuk menerima ijazah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan simposium hari ini di UM.

Kira-kira 1,000 mahasiswa yang mewakili 15 buah universiti awam seluruh negara menghadiri simposium dua hari itu.

Muhyiddin berkata bukan beliau seorang, malahan beribu-ribu golongan profesional termasuk di kalangan pemimpin negara ini adalah dari UM dan sudah tentu mereka akan turut merasakan suatu kehilangan dengan terbakarnya dewan itu.

Sementara itu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang pernah 10 tahun mengajar di UM berkata beliau berasa amat sedih dengan kejadian itu. "Kalau ini perbuatan khianat saya kutuk perbuatan itu... Kalau ya perbuatan khianat menunjukkan orang ini tiada langsung peri kemanusiaan, bukan saja orang ini tidak mementingkan pendidikan tapi pijak simbol pendidikan negara ini kerana DTC adalah dewan pertama universiti pertama di Malaysia," katanya.

Rafidah menyarankan supaya semua siswazah yang telah mendapat ijazah daripada UM supaya tampil membantu untuk membina semula dewan ini.

"Saya akan menyarankan kepada Wanita Umno yang anaknya lulus daripada UM atau dia sendiri lulus dari UM bersama-sama kita tampil ke hadapan menyumbang serba-sedikit apa yang boleh," kata Rafidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno.

Sementara itu, bekas Naib Canselor UM Prof Datuk Syed Hussein Al-Attas berkata, kebakaran itu kemungkinan berpunca daripada kurangnya penyelenggaraan, selain tidak menolak disebabkan perbuatan khianat.

"Saya rasa ini memerlukan penjelasan, apakah perbuatan khianat atau penyelenggaraan. Kalau betul bukan perbuatan khianat, maka pentadbiran universiti perlu bertanggungjawab," katanya ketika dihubungi BERNAMA di sini hari ini.

Beliau yang turut menyatakan rasa sedih atas kejadian itu mempersoalkan bagaimana pihak keselamatan universiti berkenaan gagal mengesan kebakaran ketika masih belum merebak sehingga memusnahkan bangunan dewan itu.

Pada kejadian 3.45 pagi Jumaat itu, lebih 90 peratus dewan berkenaan yang dibina pada 1964 musnah terbakar. Kerugian dianggarkan RM12.4 juta.

Syed Hussein berkata, walaupun kemungkinan ada pihak yang tidak bersetuju dengan perhimpunan "Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru" yang dijadualkan di dewan berkenaan esok tetapi "tidak sampai sehingga sanggup membakar bangunan berkenaan".

Beliau juga mengimbas peristiwa penuntut berdemonstrasi membantah konsert penyanyi Sheila Majid ketika beliau menjadi Naib Canselor universiti itu dahulu tetapi hanya bertindak merosakkan pintu serta membaling kasut dan bukannya membakar.

Seorang lagi bekas Timbalan Naib Canselor UM Prof Datuk Abu Bakar Hamid yang pernah berkhidmat selama 34 tahun di universiti berkenaan turut menyatakan rasa sedihnya atas kejadian itu sekiranya berpunca daripada perbuatan khianat.

"Amat menyedihkan kerana masih ada orang mahu menjahanamkan harta kerajaan yang amat berguna kepada orang awam," katanya.

Sementara itu Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein mendesak Lembaga UM bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebakaran itu yang menurutnya berkemungkinan perbuatan khianat oleh segelintir penuntut anti kerajaan dengan didalangi pihak tertentu.

"Perbuatan khianat dan tidak bertanggungjawab ini jika tidak dibendung akan terus menular di kampus sehingga menyebabkan pelajar UM lain terpengaruh dan mungkin terheret dalam kegiatan bercorak militan," katanya.

Beberapa insiden termasuk penerbitan majalah Varsity 2001 serta penyebaran risalah membuktikan terdapat sekumpulan penuntut yang cuba mempengaruhi penuntut lain membenci kerajaan, katanya.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan meminta seluruh warga kampus itu tampil memberikan maklumat untuk membantu siasatan kebakaran itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Majlis Belia Malaysia (MBM) Mohd Po'ad Jelani berkata, gerakan ala-demonstrasi membantah sesuatu aktiviti telah menjadi budaya yang semakin menular.

Tindakan lebih tegas perlu diambil bagi membendung gejala itu setelah cara berunding dan memberi penjelasan selama ini tidak banyak memberikan

kesan.

Sementara itu semua warga Malaysia, khasnya bekas siswazah UM diseru menghulurkan bantuan bagi membina semula Dewan Tuanku Canselor.

"Kami berharap bekas penuntut Universiti Malaya akan tampil untuk membantu membina semula Dewan Tuanku Canselor yang telah menyaksikan lebih 80,000 penuntut menerima ijazah mereka sejak dibuka 35-tahun lepas," kata Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST) Datuk Ahmad A. Talib hari ini.

NST akan menjalankan kempen kutipan derma bagi membina semula Dewan Tuanku Canselor dan butir-butir kempen itu akan dimaklumkan kemudian.

-- BERNAMA

AKT MK RV PR